# USIM anjur pertandingan inovasi



**KUMPULAN Wanderer bangga apabila ciptaan MONOHAJ terpilih sebagai antara pemenang utama.**

**Oleh Mohd Zaini Othman**
rencana@media-prima.com.my

**Universiti** Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menganjurkan Pertandingan Inovasi Pelajar USIM Kali Ketiga 2013 (SIC), baru - baru ini.

Program dua hari anjuran Fakulti Sains dan Teknologi (FST) bertujuan membudayakan aspek inovasi kepada mahasiswa.

Hadiah utama bagi kategori prasiswazah dirangkul kumpulan The Wanderer melalui ciptaan mereka MONOHAJ yang berkonsepkan permainan berkaitan ibadah haji.